

Penerimaan maaf PM tidak ubah fakta kes dihadapi Najib

Pemimpin veteran PKR pula sifatkan kenyataan terbuka adalah subjudis

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi, Mohd Roji Kawi dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kenyataan Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima permohonan maaf bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, tidak mengetepikan atau mengubah fakta bahawa negara sudah menanggung beban kerosakan yang besar akibat skandal dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Setiausaha Politik Menteri Kewangan, Kamil Munim, menegaskan kenyataan Perdana Menteri itu bukan satu bentuk penerimaan maaf, malah sama sekali tidak mengetepikan fakta kes sedang dihadapi Najib.

"Tidak timbul isu PMX (Anwar) terima maaf atau tidak. Apa yang disebut PMX ialah beliau terima baik permohonan maaf yang dibuat (Najib) dan ternyata tidak mengetepikan, malah mengubah fakta bahawa negara sudah menanggung beban kerosakan yang besar akibat skandal 1MDB.

"Justeru, segala hujah yang cuba mempertahankan kecurangan itu sudah dipadamkan melalui permohonan maaf oleh bekas Perdana Menteri Najib Razak. No one is above the law (tiada siapa mengatasi undang-undang). Proses keadilan harus dan mesti ditegakkan," katanya menerusi ciapan di X, semalam.

Kamil mengulas kritikan peguam, Latheefa Koya, yang mendakwa Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu tidak mempunyai kuasa menerima permohonan maaf sedemikian.

"Bukan urusan dan kuasa PM untuk menerima permohonan maaf sebegitu. Bukan tugasnya. Oleh kerana Najib masih menegaskan dia tidak bersalah, penerimaan Anwar itu membenarkan jenayahnya.

"Ia memberanikan golongan korup, memperlekeh mahkamah dan merendahkan SPRM," kata Latheefa yang juga bekas Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam ciapan di X.


Ketika ditemui media kelmarin, Anwar menyatakan menerima baik permohonan maaf yang dibuat Najib, berkait kes penyelewengan dana 1MDB itu.

Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg, turut menerima baik tindakan Najib memohon maaf berhubung salah laku dalam 1MDB.

"Kita terima, kita terimalah permohonan maafnya," katanya selepas majlis perasmian International Dragon Boat Regatta dan Regatta Sarawak di Tebingan Kuching, semalam.

Dalam kenyataan yang dibacakan anaknya, Datuk Mohamad Nizar Najib pada Khamis lalu, Najib kekal menyatakan dirinya tidak bersalah, sebaliknya meletakkan semula kesalahan kepada ahli perniagaan dalam buruan, Jho Low dan eksekutif Petrosaudi.

Permohonan maaf Najib itu dibuat enam sebelum Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan sama ada beliau perlu membela diri dalam kes rasuah 1MDB yang bermula lima tahun lalu pada 30 Oktober ini.



Kesalahan undang-undang

Sementara itu, pemimpin veteran PKR yang juga Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim, menyifatkan kenyataan terbuka Najib itu adalah subjudis kerana perbicaraan kes dihadapi bekas Perdana Menteri terbabit berkait 1MDB masih belum selesai.

Justeru, beliau yang juga seorang peguam, menegaskan kes subjudis seumpama itu tidak boleh dibincangkan di khalayak umum.

Beliau berkata, adalah menjadi satu kesalahan dari segi undang-undang, malah boleh dikenakan hukuman kerana menghina mahkamah sekiranya ia dibincangkan dengan sengaja menyentuh merit atau inti pati kes berkenaan.

"Pada perenggan dua kenya-

Tidak timbul isu PMX (Anwar) terima maaf atau tidak. Apa yang disebut PMX ialah beliau terima baik permohonan maaf yang dibuat (Najib) dan ternyata tidak mengetepikan, malah mengubah fakta bahawa negara sudah menanggung beban kerosakan yang besar akibat skandal 1MDB

Kamil Munim,
Setiausaha Politik Menteri Kewangan

taan media itu, dinyatakan bahawa Najib memohon maaf secara terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia. Pada perenggan terakhir, iaitu perenggan lapan, Najib menegaskan bahawa beliau tidak bersalah.

"Jadi di mana boleh dikatakan bahawa kenyataan media Najib itu menghina mahkamah kerana kes beliau masih subjudis dan belum diputuskan oleh mahkamah?"

"Ini dapat dilihat pada perenggan tiga, empat, lima, enam, tujuh dan lapan, Najib menyentuh merit kes atau inti pati kes dengan mengemukakan alasan pembelaannya daripada perenggan tiga hingga lapan.

"Alasan yang dikemukakan Najib itu sepatutnya sudah dibentangkan oleh peguam bela Najib yang ramai itu di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

"Sistem undang-undang di Malaysia ialah perbicaraan jenayah tempatnya ialah di mahkamah di depan hakim bersama-sama pihak pendakwa raya dan peguam bela. Kes yang masih subjudis adalah dilarang dibawa ke khalayak umum, kerana ia boleh mempengaruhi orang awam dan menghina hakim serta mahka-

mah," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Hassan berpandangan, sepatutnya peguam Najib menasihati anak guam mereka agar tenang serta bersabar, sekali gus memberi kepercayaan kepada hakim dan mahkamah supaya berada dalam keadaan tenang tanpa sebarang tekanan untuk membuat keputusan.

Katanya, kes 1MDB dihadapi Najib sudah sampai pada peringkat akhir kes pendakwaan, dan kini adalah masa penting untuk hakim membuat penilaian maksimum sama ada pihak pendakwa berjaya membuktikan kes prima facie.

Beliau berkata, ketika ini tiada siapa, termasuk Najib atau wakil, iaitu anaknya, di luar mahkamah secara terbuka di hadapan media cuba mempengaruhi hakim, mahkamah atau orang awam supaya bersetuju memihak kepada bekas Presiden UMNO itu berdasarkan alasan pembelaan dalam kenyataan media berkenaan.

"Alasan untuk meminta maaf kepada seluruh rakyat Malaysia, boleh dibuat di dalam mahkamah, di hadapan hakim selepas keputusan dibuat oleh hakim sama ada Najib dalam kes 1MDB ini dipertahankan membela diri ataupun dilepaskan dan dibebaskan (sekiranya pihak pendakwa gagal membuktikan kes prima facie).

"Jadi, apa yang dilakukan Najib membuat kenyataan media setakat memohon maaf tidaklah salah.

"Namun, dalam kenyataan media sama apabila Najib menghuraikan alasan pembelaannya yang jelas menyentuh merit dan inti pati kes beliau, maka itu adalah salah kerana menghina mahkamah (contempt of court) berikutan kesnya masih belum lagi diputuskan oleh hakim," katanya.

